

BANK ISLAM LAKSANA INISIATIF PEMULIHARAAN BAKAU DAN PENYU DI PANTAI CHENDOR*Satu usaha menangani perubahan iklim dan melindungi kehidupan marin*

KUANTAN, PAHANG, Ahad, [27 Julai 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) meneruskan komitmen kelestarian jangka panjangnya melalui penganjuran Inisiatif Pemuliharaan Bakau dan Penyu di Pantai Chendor, Kuantan, Pahang. Ia diadakan semalam bersempena sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang disambut pada 26 Julai setiap tahun.

Program anjuran bersama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Cawangan Pahang ini turut disokong Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) Kemaman di bawah pengurusan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan para pelajar Maahad Tahfiz Negeri Pahang.

Seramai 150 sukarelawan termasuk warga Bank Islam, pelajar institusi pendidikan tempatan, peserta pemuliharaan Komuniti Intervensi Dadah serta masyarakat setempat mengambil bahagian dalam program ini. Ia melibatkan penanaman 3,000 anak pokok bakau di pantai tersebut. Selain itu, 100 ekor anak penyu telah dilepaskan ke laut sebagai usaha pemuliharaan spesies marin yang kian terancam.

Menurut Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, inisiatif ini merupakan kesinambungan kepada lima projek pemuliharaan alam sekitar yang telah dijalankan Bank Islam sejak tahun 2019. Program kali ini juga merupakan kolaborasi kali ketiga Bank Islam bersama MNS.

“Aktiviti hari ini bukan sekadar simbolik tetapi satu langkah nyata yang mampu membawa perubahan ke arah pemuliharaan alam sekitar demi masa depan generasi akan datang. Bank Islam sentiasa berpegang teguh kepada amanah penjagaan alam sekitar. Justeru, kami komited melaksanakan tanggungjawab ini selain menggalakkan penglibatan komuniti setempat termasuk sukarelawan daripada kalangan pelajar

Adtec dan Maahad Tahfiz menangani isu alam sekitar termasuk perubahan iklim yang memberikan impak besar terhadap kualiti kehidupan,” tambah Mohamed Iran.

Naib Presiden MNS Noor Jehan Abu Bakar, berkata, “Kerjasama kali ketiga bersama Bank Islam dalam Inisiatif Pemuliharaan Bakau dan Penyu menunjukkan keserasian visi antara sektor korporat dan masyarakat dalam usaha melindungi alam sekitar. Sebagai sebuah organisasi yang bukan berdasarkan keuntungan, MNS percaya bahawa kolaborasi jangka panjang seperti ini mampu memberi impak positif dalam usaha memulihara ekosistem pesisir pantai selain memastikan kelangsungan hidup spesies marin yang semakin terancam akibat aktiviti manusia dan perubahan iklim.”

Sejak 2019, Bank Islam telah melaksanakan pelbagai inisiatif kelestarian di Pantai Timur termasuk penanaman lebih 7,000 anak pokok bakau di Kuantan, Tanjung Lumpur dan Cherating, pembersihan pantai di Pantai Sepat dan Pantai Balok, Pahang. Usaha ini seiring dengan matlamat kelestariannya melindungi alam sekitar seperti hutan bakau yang memberi sumbangan signifikan dalam menangani perubahan iklim.

Walaupun hutan bakau meliputi kurang 1 peratus daripada keseluruhan kawasan hutan tropika dunia, ia merupakan ekosistem yang sangat penting kepada hampir 2.4 bilion penduduk yang tinggal dalam lingkungan 100 kilometer dari kawasan pesisir. Hutan bakau berperanan melindungi kawasan daratan daripada ribut, hakisan dan banjir, menjadi sumber kayu dan makanan kepada segenap kehidupan selain membantu meningkatkan kualiti air.

Ia merupakan penyimpan dan penyerap karbon global yang penting, dengan purata stok karbon tertinggi bagi setiap unit keluasan berbanding mana-mana ekosistem daratan atau marin. Purata stok karbon global bagi hutan bakau dianggarkan sekitar 1,000 tan karbon sehektar, termasuk karbon yang tersimpan di dalam tanah.

Selain menjadi habitat semula jadi bagi lebih 1,533 spesies hidupan marin yang berbeza, ia merupakan kawasan asuhan penting bagi pelbagai spesies ikan komersial dan turut menyumbang kepada kesihatan ekosistem berhampiran seperti terumbu karang dan padang rumpai laut.

Di samping tumpuan penjagaan alam, inisiatif Pemuliharaan Bakau dan Penyu Bank Islam pada tahun ini turut memperkasakan komuniti tempatan dengan menyokong ekonomi setempat. Antaranya melalui penjanaan pendapatan dengan membeli anak pokok bakau dan telur penyu daripada nelayan berhampiran. Ia juga bertepatan dengan aspirasi kelestarian Bank Islam di bawah bidang tumpuan strategik Alam Sekitar dan Pemerkasaan Komuniti sebagaimana digariskan dalam Laporan Tahunan Bersepadu Bank Islam 2024.

Selaras dengan aspirasi negara untuk menanam 1 juta pokok bakau menjelang tahun 2030, usaha Bank Islam ini turut menyokong agenda menangani perubahan iklim dan hakisan pantai, khususnya Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim), SDG 14 (Hidupan di Bawah Air) dan SDG 15 (Hidupan di Darat).

Melalui program ini, Bank Islam akan kekal komited memperkasakan masyarakat dengan mengambil tindakan proaktif menangani isu-isu berkaitan demi kelestarian masa hadapan.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.my.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.